

Gabungan Utusan, NSTP tidak sekat kebebasan akhbar

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

KUALA LUMPUR 4 Dis. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penggabungan Utusan Melayu (M) Bhd. dan The New Straits Times Press (NSTP) tidak akan menyekat kebebasan akhbar.

Malah katanya, ia pasti membawa perubahan baik kepada kedua-dua syarikat tersebut sekiranya penggabungan itu boleh meningkatkan kekuatan kewangan, berkongsi kemudahan dan menjimatkan kewangan.

“Saya rasa melalui penggabungan sahaja, mereka dapat membina keupayaan.

Saya rasa melalui penggabungan sahaja, mereka dapat membina keupayaan. Bagaimana cara untuk mereka menggabungkan kekuatan, itu terserahlah kepada mereka untuk merundingkannya

Bagaimana cara untuk mereka menggabungkan kekuatan, itu terserahlah kepada mereka untuk merundingkannya,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis Anugerah Inovasi Negara 2006 dan Pelancaran Portal Brain

Um-5/12/2006
ABDULLAH AHMAD BADAWI Perdana Menteri

Gain Kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Abdullah juga percaya bahawa orang Melayu sudah tentu tidak suka melihat akhbar *Utusan Malaysia* terkubur dalam usaha penggabungan itu.

“Apa yang orang Melayu tentu tak suka

lihat ialah Utusan (akhbar *Utusan Malaysia*) terkubur atas usaha penggabungan itu,” kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu beliau sekali lagi menegaskan bahawa penggabungan tersebut tidak akan melibatkan peringkat editorial, penyuntingan dan pemberitaan.

Abdullah bagaimanapun berkata, beliau belum menerima sebarang surat berhubung usaha penggabungan itu daripada kedua-dua pihak.

“Mungkin mereka sudah hantar (surat) tapi saya belum terima lagi,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, apa yang beliau dimaklumkan ialah kedua-dua pihak masih lagi berunding mengenai penggabungan itu.